

# UKM, Celcom Axiata jalin kerjasama

**Bangi:** Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjalinkan kerjasama strategik dengan Celcom Axiata Berhad (Celcom Axiata) bagi melaksanakan program pembangunan usahawan dan kerjaya serta kajian dan pembangunan membabitkan pelajarannya.

Naib Canselornya Prof Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali berkata, kerjasama itu dijangka mampu membangunkan potensi graduan supaya kompetitif dalam pasaran kerja tempatan dan global pada masa akan datang.

"Saya yakin kolaborasi bersama pihak berkepentingan seperti Celcom Axiata mampu memberi kebaikan dan manfaat kepada universiti dan masyarakat," katanya pada majlis menandatangani perjanjian antara kedua-dua pihak.

Hadir sama Ketua Pegawai Sumber Manusia Celcom Axiata Azmi Ujang dan Pengarah Pusat Pembangunan UKM-KARIER, Prof Dr Ishak Yussof.

Beliau berkata, objektif

utama kerjasama itu untuk menyediakan ruang dan peluang kepada UKM dan

Celcom Axiata bagi berkolaborasi dalam pelbagai bidang.

"Antara kerjasama yang dilaksanakan termasuk penyelidikan untuk memba-

ngunakan alat bagi kanak-kanak kurang pendengaran menggunakan telefon, melatih graduan dengan kemahiran keusahawanan dan mendapatkan pekerjaan," katanya.

Sementara itu, Azmi berkata, kerjasama itu sebagai sebahagian daripada usaha syarikat membantu institusi pengajian tinggi tempatan melahirkan graduan berkualiti dan mampu bersaing di pasaran.

"Kami harap ia akan menggalakkan dan mengukuhkan minat pelajar dalam bidang keusahawanan terutama dalam industri telekomunikasi, sekali gus dapat menjana pendapatan dan membuka peluang pekerjaan kepada mereka," katanya.

Pada majlis sama, Celcom Axiata menyampaikan sumbangan RM50,000 kepada Unit Zakat UKM bagi diagihkan kepada individu memerlukan iaitu 83 pelajar UKM yang layak.



*DR Noor Azlan (tengah) bersama Azmi (dua dari kanan) dan Dr Ishak (kanan) menunjukkan dokumen pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara UKM dan Celcom Axiata.*